*JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA*

# LAPORAN LIPUTAN MEDIA

## 20 Julai 2020

1. Kucing dibakar; Harian Metro

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA**
**BAHAGIAN PERANCANGAN**
**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

# KERATAN AKHBAR

**Tarikh: 20 Julai 2020**

| | | |
|---|---|---|
| **Media Cetak/Elektronik** | **Harian Metro** | Catatan: |
| **Ruangan** | **Lokal** | |
| **M/Surat** | **13** | |
| **Perkara** | **Kebajikan Haiwan** | |

# Kucing dibakar

## *Persatuan haiwan tawar ganjaran RM3,000 untuk info terhadap pelaku*

**Oleh Hafidzul Hilmi Mohd Noor**
hafidzul@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Kejam dan zalim! Itu tindakan seorang individu yang sanggup membakar seekor anak kucing menggunakan pemetik api.

Tindakan itu dirakam individu berkenaan sendiri sebelum tular di media sosial semalam.

Video berdurasi 46 saat itu menunjukkan lelaki berkenaan membakar bulu kucing hingga menyebabkan badan haiwan itu terbakar keseluruhan.

Presiden Persatuan Haiwan Malaysia Arie Dwi Andika berkata, pihaknya sedang mengesan lokasi kejadian itu berlaku.

"Kejadian mungkin berlaku di Malaysia dan ada kemungkinan juga berlaku di luar negara.

"Pihak kami belum menerima sebarang maklumat di mana lokasi sebenar kejadian berkenaan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurutnya, pihaknya menawarkan wang ganjaran RM3,000 kepada mana-mana individu yang dapat menyalurkan maklumat pelaku dan lokasi kejadian.

"Pihak persatuan menawarkan ganjaran kepada mana-mana individu yang memberikan maklumat tepat di mana kejadian ini berlaku.

"Kita juga menggesa supaya tindakan segera diambil pihak berkuasa jika kes ini berlaku di dalam negara," katanya.

Rata-rata netizen mencemuh dan mengecam tindakan pelaku yang dilihat tidak perikemanusiaan terhadap haiwan.



KUCING yang dibakar dengan pemetik api.



*Setakat ini, pihak kami masih belum menerima sebarang maklumat di mana lokasi sebenar kejadian berkenaan"*

**Arie Dwi Andika**